

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA
BIL. 3/2008**

Tarikh : 23 September 2008 (Khamis)
Masa : 2.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Tanjung
Blok Tanjung
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia

Senarai Kehadiran Pihak Pegawai :-

1. Y. Bhg. Dato' Mohd. Fadzil bin Haji Mohd. Khir - Pengerusi
Ketua Pengarah
2. En. Kamalruddin bin Samsuddin
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)
3. Datin Wira Hamisah Binti Ariffin
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
4. Cik Rokibah binti Abdul Latif
Pengarah Bahagian Korporat
5. Dr. Dahlia binti Rosly
Pengarah Bahagian Rancangan Pembangunan
Pejabat Projek Zon Tengah
6. Puan Hjh. Zaleha binti Shaari
Pengarah Bahagian Perancangan Wilayah
7. Tuan Haji Wan Hassan bin Wan Ismail
Pengarah Bahagian Rancangan Pembangunan
Pejabat Projek Zon Timur
8. Encik Mohamed Jamil bin Ahmad
Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
9. Tuan Haji Ahmad bin Abdullah
Pengarah Bahagian Perundangan dan Kawalselia Perancangan
10. Cik Rohani binti Hashim
Pengarah Bahagian Rancangan Fizikal Negara

11. Tn. Hj. Zaini bin Ishak
Pengarah Bahagian Rancangan Pembangunan
Pejabat Projek Zon Utara
12. Encik Abdul Jamil bin Arshad
Pengarah Bahagian Rancangan Pembangunan
Pejabat Projek Zon Selatan
13. Tuan Haji Nor Sallehi bin Kassim
Pengarah Bahagian Maklumat Gunatanah Negara
14. Puan Hajah Nooraini binti Ismail
Ketua Seksyen Sumber Manusia
15. Encik Omar bin Jamaluddin
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
(Setiausaha bagi Pihak Pegawai)

Senarai Kehadiran Pihak Pekerja :-

1. Tuan Haji Azman bin Talib
Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Bahagian Rancangan Fizikal Negara
(Pengerusi bagi Pihak Pekerja)
2. Puan Khatijah bt Abd. Hamid
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Bahagian Rancangan Pembangunan Pejabat Projek Kuala Lumpur
(Setiausaha bagi Pihak Pekerja)
3. Encik Ismail bin Halim
Pegawai Tadbir dan Diplomatik
Bahagian Khidmat Pengurusan
4. Encik Mohd. Nazri bin Omar
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Teknologi Maklumat
5. Encik Mohd Said bin Mohd Saniff
Juruteknik Perancang Bandar dan Desa
Bahagian Rancangan Pembangunan Pejabat Projek Melaka
6. Encik Adli bin Mohamad
Pelukis Pelan
Bahagian Rancangan Pembangunan Pejabat Projek Kuala Terengganu
7. Encik Mohd Asri bin Abdul Halim
Pemandu
Bahagian Khidmat Pengurusan

Senarai Ketidakhadiran Pihak Pegawai:-

1. Puan Harizah binti Dato' Hassan
Ketua Penolong Pengarah
Pejabat Penyelarasan Projek

Senarai Ketidakhadiran Pihak Pekerja :-

1. Puan Asnida Akmal Noor bt Che Ahmad
Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Teknologi Maklumat
2. Puan Ruzilah binti Omar
Penolong Akauntan
Bahagian Khidmat Pengurusan
3. Cik Darwin Nashiqim binti Mohamed Yusuf
Pembantu Undang-Undang
Bahagian Perundangan, Perancangan dan Kawalselia
4. Cik Ruslina binti Selamat
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
Bahagian Khidmat Pengurusan
5. Encik Gunantheran - **Bersara**
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Bahagian Khidmat Pengurusan
6. Encik Syaiful Niezam bin Hamil
Juruteknik Komputer
Bahagian Teknologi Maklumat
7. Puan Norhafiza binti Nordin
Pembantu Akauntan
Bahagian Khidmat Pengurusan
8. Puan Nuriani binti Mohd Adam
Pegawai Khidmat Pelanggan
Bahagian Khidmat Pengurusan
9. Puan Nurul Dahlia binti Yahya
Pembantu Perpustakaan
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
10. Tuan Haji Amir Hamzah bin Hashim
Ahli Fotografi
Bahagian Keurusetiaan, Penyelarasan dan Perancangan Korporat
11. Puan Sari Banun bt Hamzah
Pembantu Tadbir Rendah
Unit Perancangan Sumber Manusia

12. Encik Mohd Ramani bin Abdul Rani
Pembantu Am Pejabat
Bahagian Khidmat Pengurusan

Urusetia :-

1. Encik Muhamad Bazli bin Ahmad
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Khidmat Pengurusan
2. Puan Rosmi bt Ramli
Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian / Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan

1.0 PERUTUSAN PENGERUSI

- 1.1 Y.Bhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir serta bacaan Surah Al-Fatihah.

Y.Bhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat ini adalah mesyuarat bagi Suku Tahun Ketiga 2008.

(Makluman)

- 1.2 Y.Bhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat MBJ akhir-akhir ini menjurus ke arah satu hala sahaja iaitu tempat untuk pekerja mengusulkan perkara yang berkaitan dengan pekerja. Y.Bhg. Dato' Pengerusi mencadangkan supaya pihak pekerja juga memberi cadangan-cadangan penambahbaikan bagi Jabatan supaya MBJ menjadi seimbang.

(Makluman)

1.3 Cuti Perayaan

Y.Bhg. Dato' Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat, sempena cuti perayaan Hari Raya Aidilfitri edaran telah dibuat untuk mendapatkan perancangan cuti daripada semua kakitangan JPBD. Mesyuarat dimaklumkan bahawa setiap Bahagian perlu memastikan ada kakitangan yang bertugas sekurang-kurangnya 30%, pintu pejabat sentiasa berkunci, melaporkan kepada Balai Polis yang terdekat supaya membuat rondaan di sekitar pejabat ketika cuti perayaan dan memaklumkan kepada pengawal keselamatan supaya tidak meninggalkan post kawalan.

(Makluman)

1.4 Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah

Y.Bhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998 ada menerangkan tentang Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah iaitu pegawai awam dilarang sama sekali menerima atau memberi hadiah sekiranya berkaitan dengan tugas awamnya. Dalam keadaan tertentu pegawai awam dibenarkan menerima pemberian hadiah tetapi tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Contohnya penerimaan hadiah dianggap tidak sepadan dengan maksud hadiah itu yang diberi nilai semasa hadiah diterima, nilainya dalam bentuk wang nilainya melebihi $\frac{1}{4}$ daripada emolumen bulanan.

(Makluman)

1.5 Kesalahan Rasuah

Y.Bhg. Dato' Pengerusi memaklumkan tentang kesalahan rasuah. Kesalahan rasuah terjadi apabila seseorang pegawai awam meminta dan menerima suapan. Bersetuju menerima suapan sebagai dorongan untuk melakukan sesuatu atau tidak melakukan. Membuat tuntutan palsu juga merupakan kesalahan rasuah. Y.Bhg. Dato' meminta supaya perkara ini diambil perhatian dan disampaikan kepada kakitangan JPBD yang lain.

(Makluman)

1.6 Ucapan Pengerusi Bersama

Pengerusi Pihak Pekerja (Tuan Hj. Azman bin Talib) mengucapkan salam kepada Y.Bhg. Dato' Ketua Pengarah dan semua yang hadir. Pengerusi Pihak Pekerja mengucapkan terima kasih kepada Jabatan kerana telah mengaturkan mesyuarat MBJ ini dengan jadual waktu yang bertepatan pada bulan Jun dan pada bulan September.

Mengikut perkiraan, semua wakil MBJ diberi mandat sehingga Ogos 2009. Dalam tempoh 2 tahun ini wakil-wakil MBJ akan menjalankan amanah yang telah diberikan sebaik yang mungkin. Pengerusi Pihak Pekerja tidak pasti wakil pekerja boleh mengemukakan cadangan-cadangan untuk menambahbaik prestasi Jabatan walaupun perkara ini ada dibincang di kalangan kakitangan dan merasakan perkara ini boleh diselesaikan di dalam forum mesyuarat pagi yang diadakan setiap minggu. Pengerusi Pihak Pekerja memaklumkan kepada mesyuarat bahawa ada tiga perkara yang ingin disampaikan di dalam mesyuarat ini yang akan dibangkitkan di dalam hal-hal lain.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 2/2008

2.1 Minit Mesyuarat Bil. 2/2008 disahkan dengan pindaan.

Cik Rokibah binti Abdul Latif
Pengarah Bahagian Rancangan Pembangunan
Pejabat Projek Alor Star

Kepada

Cik Rokibah binti Abdul Latif
Pengarah Bahagian Korporat

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Pekeliling Bil. 9 Tahun 2008 (Langkah Untuk Mengurangkan Perbelanjaan Awam)

Y.Bhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa pengubahsuaian ruang pejabat perlu dibuat bagi pengisian jawatan baru kerana kekurangan tempat. Y.Bhg. Dato' Pengerusi juga memaklumkan bahawa beliau telah membangkitkan perkara ini di dalam mesyuarat pagi di KPKT dan JPBD diminta untuk membuat permohonan. Y.Bhg. Dato' Pengerusi meminta supaya mempercepatkan proses penghantaran permohonan dan segera mendapatkan maklumbalas.

(Tindakan : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan)

3.2 Penjimatan Penggunaan Elektrik Jabatan

Mesyuarat dimaklumkan bahawa semua Bahagian mengambil maklum mengenai perkara ini dan telah menjadi amalan menutup lampu semasa waktu rehat bagi penjimatan elektrik Jabatan.

(Makluman)

3.3 Kemaskini Rekod Pegawai (HRMIS)

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Modul Peribadi telah lengkap sebanyak 82% daripada keseluruhan pegawai JPBD. Modul-modul lain akan menyusul selepas ini. JPBD kini setara dengan Jabatan-Jabatan lain di bawah KPKT. Modul Peribadi sebanyak 18% lagi akan siap sebelum berakhir tahun 2008.

(Tindakan : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan)

3.4 Majlis Meraikan Pesara

Mesyuarat dimaklumkan bahawa majlis meraikan pesara akan dilaksanakan pada akhir bulan November 2008 dan akan dikendalikan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan.

(Tindakan : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan)

3.5 Laporan Penilaian Prestasi Tahunan

Y.Bhg. Dato' Pengerusi meminta supaya diadakan taklimat ringkas dalam mesyuarat pagi bagi penilaian prestasi bagi menjelaskan proses penilaian prestasi kepada semua Pengarah Bahagian. Ketua Seksyen Sumber manusia memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pegawai yang mendapat prestasi 70% ke bawah akan dipanggil untuk diberi kaunseling oleh KPKT.

(Tindakan : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan)

3.6 One Stop Center (OSC)

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan telah membuat soal selidik kepada pejabat-pejabat OSC dan sebanyak 80 borang soal selidik telah dihantar. Soal selidik yang dijalankan merangkumi 7 perkara dan hasil soal selidik adalah seperti berikut :-

i. Tahap keselesaan ruang pejabat

Hasil bancian sebanyak 33.75% selesa, 50% sederhana selesa dan 16.25% adalah daif/perlu ruang baru.

ii. Keadaan perabot sedia ada

Hasil bancian sebanyak 30% adalah baik, 53.75% sederhana dan 16.25% perabot uzur/perlu diganti.

iii. Penyimpanan fail termasuk ciri-ciri keselamatan

Hasil bancian sebanyak 27.50 % ada dan 72.50% tiada.

iv. Komputer

Hasil bancian sebanyak 48.75 % cukup dan 51.25% tidak mencukupi.

v. Capaian internet

Hasil bancian sebanyak 82.50 % ada dan 17.50% tiada.

vi. Mesin faks

Hasil bancian sebanyak 28.75 % ada dan 71.25% tiada.

vii. Mesin fotostat

Hasil bancian sebanyak 26.25 % ada dan 73.75% tiada.

Y.Bhg. Dato' Pengerusi meminta supaya tindakan segera perlu diambil iaitu memaklumkan kepada KPKT atau JKT mengenai perkara yang perlu dibantu sebelum ada aduan kepada Ketua Setiausaha Negara. Satu mesyuarat penyelarasan perlu diadakan dengan KPKT atau JKT bagi membincangkan perkara tersebut.

(Tindakan : Pengarah Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan)

4.0 USUL BARU

Tiada usul baru diterima

5.0 HAL-HAL LAIN

Mesyuarat dimaklumkan bahawa wakil pihak pekerja telah bermesyuarat pada 21 September 2008 dan terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan. Isu yang pertama ialah tentang penyebaran keputusan mesyuarat dan minit mesyuarat MBJ dan akan disampaikan oleh Encik Mohd Said bin Saniff.

5.1 Penyebaran keputusan mesyuarat kepada kakitangan bawahan

Encik Mohd Said bin Saniff memaklumkan kepada mesyuarat bahawa wakil-wakil pekerja membangkitkan isu-isu di dalam mesyuarat MBJ tetapi keputusan daripada mesyuarat tersebut iaitu minit mesyuarat tidak sampai kepada wakil-wakil pekerja mahupun kakitangan JPBD. Pengarah Bahagian juga tidak memaklumkan keputusan mesyuarat tersebut kepada kakitangan bawahan masing-masing. Oleh yang demikian, dicadangkan supaya minit mesyuarat diedarkan kepada kakitangan bawahan ataupun keputusan mesyuarat disampaikan kepada kakitangan bawahan oleh Pengarah Bahagian masing-masing. Encik Mohd Said bin Saniff juga mencadangkan supaya minit mesyuarat MBJ ini dipaparkan dalam Laman Web Jabatan untuk satu tempoh yang ditetapkan supaya boleh dicapai dan dibaca oleh semua kakitangan JPBD.

(Tindakan : Semua Pengarah Bahagian)

5.2 Kursus Bimbingan PTK Gred J38

Setiausaha Bersama iaitu Puan Khadijah binti Abd. Hamid memaklumkan kepada mesyuarat bahawa kursus di atas telah dihadiri oleh dua orang pegawai JPBD iaitu beliau sendiri dan Cik Asiah bt Sulaiman pada 01 hingga 08 Julai 2008 di INTAN Jalan Ilmu. Kursus selama 6 hari tersebut mengandungi ceramah, tugas individu dan peperiksaan. Dalam kursus tersebut, tiga hari adalah ceramah dan ianya terbahagi kepada umum dan khusus. Dalam kursus tersebut, peserta lain yang terlibat adalah daripada Jabatan Tenaga Manusia dan Teknologi Maklumat seramai 16 orang sahaja. Dalam ceramah khusus peserta dibahagikan kepada kumpulan mengikut bidang masing-masing dan ada tenaga pengajar di bidang berkaitan. Malangnya bagi pegawai JPBD tidak disediakan tenaga pengajar dalam bidang yang berkaitan untuk mengendalikan ceramah khusus tersebut. Kesannya adalah pegawai akan rugi kerana tiada tenaga pengajar. Oleh yang demikian dicadangkan supaya Seksyen Sumber Manusia berurusan dengan JPA untuk menyediakan dan menghantar tenaga pengajar ke kursus-kursus yang akan datang.

Ketua Seksyen Sumber Manusia memberi jawapan kepada isu di atas. Kursus Bimbingan PTK di atas adalah untuk TK4. Pihak JPA tidak meminta Jabatan menyediakan tenaga pengajar tetapi hanya meminta soalan daripada Jabatan dan meminta Jabatan menyemak kertas soalan sahaja. Pada masa akan datang, Seksyen Sumber Manusia akan bertanya terlebih dahulu dengan pihak JPA terlebih dahulu mengenai tenaga pengajar ini supaya perkara seperti di atas tidak berulang lagi.

(Tindakan : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan)

5.3 Kematian dikalangan kakitangan JPBD

Pengerusi Bersama memaklumkan kepada mesyuarat bahawa kematian dikalangan kakitangan JPBD yang masih di dalam perkhidmatan telah beberapa kali berlaku. Oleh yang demikian beliau ingin mengajukan beberapa persoalan yang perlu dijawab oleh pihak pengurusan. Soalannya adalah seperti berikut:-

- i. Apakah ganjaran segera yang diterima oleh keluarga gemulah (si mati) dan seberapa segera ganjaran tersebut diperolehi?
- ii. Apa ganjaran lain yang diperolehi oleh waris?
- iii. Adakah semua kematian perlu dilaporkan kepada Ketua Jabatan?

Pengerusi Bersama mencadangkan supaya Jabatan menyediakan SOP atau prosedur untuk tindakan-tindakan yang diambil apabila berlaku kematian kepada salah seorang kakitangan JPBD. Semua Pengarah Bahagian perlu memaklumkan kepada Ketua Jabatan sekiranya berlaku kematian. Pekeliling-pekelling yang berkaitan dengan kematian perlu dikumpulkan dan dibukukan untuk dirujuk di kemudian hari.

Pengerusi Bersama juga mencadangkan supaya sekiranya Y.Bhg. Dato' Ketua Pengarah tidak dapat melawat ke rumah gemulah, perlulah dihantar wakil dan sekiranya dapat hadir hendaklah membawa sesuatu yang dapat membantu keluarga gemulah seperti dalam bentuk kewangan. Selain itu juga tabung khairat kematian juga perlu diwujudkan. Dicadangkan setiap kakitangan Jabatan mengeluarkan RM2 hingga RM5 seorang untuk tabung tersebut.

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Pengerusi Bersama.

- i. Ganjaran segera yang diterima oleh keluarga gemulah adalah wang pengurusan jenazah sebanyak RM1000.00 (khairat kematian). Walaubagaimanapun wang tersebut tidak diperolehi dalam kadar yang segera kerana untuk mendapatkan wang tersebut Jabatan perlu melalui prosedur kewangan.
- ii. Ganjaran lain yang diterima waris adalah pencen terbitan dan ganjaran terbitan. Sekiranya gemulah tidak mempunyai isteri ganjaran akan diberi kepada anak dan sekiranya gemulah tidak berkahwin ganjaran akan dibayar kepada ibu dan bapanya.
- iii. Semua kematian perlu dilapor kepada Ketua Jabatan dan telahpun menjadi amalan sebelum ini.

Y. Bhg Dato' Pengerusi mengambil maklum perkara ini dan memohon supaya pihak pekerja mengadakan kertas cadangan mengenai tabung khairat kematian di kalangan kakitangan JPBD.

(Tindakan : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pengerusi bagi Pihak Pekerja)

5.4 Keahlian wakil pekerja

Pengarah Bahagian Korporat memaklumkan kepada mesyuarat bahawa Bahagian Korporat telah mempunyai seorang Pegawai Penerangan Gred S41. Dicapangkan supaya Bahagian Khidmat Pengurusan membuat perlantikan sebagai wakil pekerja ke atas pegawai tersebut.

(Tindakan : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan)

6.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang dengan ucapan terima kasih daripada Y. Bhg Dato' Pengerusi.

Urusetia
Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia